



Ruj Kami : APMM.W4.100-2/1/7 Jld11(13)
Tarikh : 24 Jun 2022

SIARAN MEDIA

CEROBOH DAN CURI DI PELANTAR: 7 WARGA ASING MENGAKU BERSALAH

BINTULU, 24 Jun – Tujuh warga asing mengaku bersalah atas pertuduhan menceroboh dan mencuri di pelantar minyak tidak berpenghuni (unmanned platform) di perairan Bintulu dan telah dijatuhkan hukuman penjara semasa sesi pendakwaan kes di Mahkamah Bintulu, Sarawak, pada 21 Jun lepas.

Pengarah Zon Maritim Bintulu, Kepten Maritim Mohd Khairol Anuar bin Saad berkata, kes tersebut berkait dengan tangkapan Maritim Malaysia ke atas aduan berkaitan dengan pencerobohan pelantar yang telah merosakkan peralatan serta mencuri barangan di pelantar minyak tidak berpenghuni (unmanned platform) di perairan Bintulu pada 19 Mei lalu.

Kesemua tertuduh telah dituduh dengan tiga pertuduhan, dua pertuduhan di bawah Kanun Keseksaan dan satu pertuduhan di bawah Akta Perikanan 1985.

Kedua-dua pertuduhan tersebut di buat di Mahkamah Majistret dan Mahkamah Sesyen pada hari yang sama.

Semasa pendakwaan dilakukan, kesemua tertuduh mengaku salah atas ketiga-tiga pertuduhan dan telah dijatuhkan hukuman penjara 16 bulan bagi kesalahan di bawah Kanun Keseksaan, manakala sembilan bulan penjara di bawah Akta Perikanan 1985 serta bot dilucuthak kepada kerajaan Malaysia.

Maritim Malaysia memandang serius terhadap aktiviti jenayah dan pencerobohan ini yang berpotensi mengesankan hasil negara.

Hukuman ini diharap akan memberi peringatan kepada individu atau kumpulan dari dalam negara mahupun luar negara, bahawa Maritim Malaysia tidak akan berkompromi akan kesalahan yang boleh menjejaskan kedaulatan dan kemakmuran negara, khususnya perairan negara Malaysia, seterusnya meningkatkan keyakinan pelabur terhadap keselamatan perairan negara.

Maritim Malaysia percaya dengan tertangkap dan terhukumnya semua tertuduh, aduan dan laporan berkaitan pencerobohan dan kecurian di pelantar yang tidak berpenghuni di perairan Sarawak selesai.

Maritim Malaysia merakamkan penghargaan kerima kasih kepada pihak agensi yang terlibat dalam membantu sepanjang proses siasatan dan pendakwaan yang membawa kepada kejayaan ini.

Maritim Malaysia bersama beberapa agensi keselamatan laut lain sentiasa berusaha meningkatkan kawalan keselamatan dan rondaan operasi penguatkuasaan undang-undang di zon maritim perairan negara ini bagi memastikan keselamatan kapal, bot serta kawasan pelantar yang berada di perairan negara terjamin dari sebarang ancaman.

Maritim Malaysia sentiasa mengingatkan kesemua komuniti maritim supaya mematuhi segala peraturan dan undang-undang sebelum melakukan sebarang aktiviti di laut serta mengalu-alukan sebarang maklumat serta aduan daripada seluruh komuniti maritim bagi melaporkan sebarang aktiviti yang mencurigakan ataupun kecemasan di laut melalui talian MERS 999 atau Pusat Operasi Maritim Zon Maritim Bintulu (086-314 254) dan Pusat Operasi Maritim Negeri Sarawak (082-432544) yang beroperasi 24 jam.

Kepten Maritim Mohd Khairol Anuar Bin Saad

Pengarah Zon Maritim Bintulu

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia

-TAMAT-

Sebarang Pertanyaan, Sila Hubungi:

Pegawai Perhubungan Awam

Leftenan Madya Maritim Aziz bin Mohd Hamdi

Tel : 010-361 1446

Email : azizhamdi@mmea.gov.my